

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG KANGCU DALAM KEGIATAN PERTANIAN KOMERSIAL DI NEGERI JOHOR

KASSIM BIN THUKIMAN

(m-kassim@utm.my)

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Pembangunan sesebuah negeri mempunyai kaitan yang rapat dengan kegiatan ekonomi. Kegiatan ekonomi berasaskan pertanian banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negeri Johor. Fenomena ini telah berlaku sebelum kedatangan British lagi. Apa yang menarik ialah pelaksanaan kegiatan ekonomi pertanian secara komersial berjalan secara sistematik berdasarkan pelaksanaan peraturan dan undang-undang. Sehubungan dengan itu, artikel ini berusaha untuk menelusuri pengenalan undang-undang yang dijalankan di negeri Johor sejak tahun 1844. Jelasnya, Johor bukan sahaja terkenal sebagai pusat pembangunan ekonomi, tetapi mempunyai kekuatan tersendiri dalam mengasaskan undang-undang, membangunkan sistem pentadbiran dan mengeksploitasi kesuburan muka buminya. Sebab itulah, Sultan (Maharaja) Abu Bakar telah dinobatkan sebagai Bapa Johor Moden.

PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai perkembangan dan kemajuan ekonomi di Tanah Melayu (Malaysia) biasanya ditandai dengan kegemilangan sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Fokus tersebut memang mempunyai kaitan dengan dasar penjajah British untuk menonjolkan kekuatan ekonominya. Memang amat jarang di kalangan sarjana yang membincangkan sektor pertanian di negara ini yang turut menyumbang kepada pembangunan sesebuah negeri. Dalam konteks inilah sejarah negeri Johor memenuhi kekosongan tersebut. Sejarah negeri Johor sentiasa mendapat tempat yang istimewa di kalangan para penyelidik.¹ Keunikan dan keistimewaan ini menjadi lebih ketara berdasarkan hubungan yang rapat antara Johor dengan Kerajaan British.²

¹ Antara kajian awal ialah Andaya, Leonard Y., (1987). *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Lihat juga Khoo Kay Kim, (1967/68). "Johor in the 19th Century: A Brief Survey", dalam *Journal of Historical Society, University of Malaya*, Kuala Lumpur, Vol. VI.

² Beberapa penulisan sejarah menggambarkan fenomena ini. Lihat Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula, 1880-1910*, Singapore University Press, Singapore, 1969. Lihat juga Eunice Thio, "British Policy Towards Johore: From Advice to Control", dalam *JMBRAS*, Vol. XL Part I, July 1967 dan J. de V. Allen, "Johore 1901-1914", dalam *JMBRAS*, Vol. XLV Part II, 1972.

Tambahan pula, Johor adalah antara negeri yang paling akhir diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan British iaitu pada tahun 1914.

Namun begitu, keterbalikannya ialah Johor adalah merupakan negeri Melayu yang paling awal mengadakan hubungan secara rasmi dengan Kerajaan British dan negeri yang pertama juga dipengaruhi oleh British. Kemuncak kepada hubungan akrab ini dimanifestasikan menerusi Persetiaan antara Johor dengan Kerajaan British yang telah dimeterai pada tahun 1885 dengan pengisytiharan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan yang memerintah negeri Johor.³ Walaupun Johor mengalami perubahan dan pembangunan yang pesat, Sultan Ibrahim sentiasa menegaskan bahawa "Johor mesti jadi Johor".⁴ Dengan lain perkataan, kemajuan dan perkembangan pesat ekonomi dalam negeri Johor tidak akan sama sekali mengubah status Johor sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat.

Menjelang separuh akhir abad ke-19, ekonomi pertanian komersial telah berkembang dengan pesatnya di negeri Johor. Ia telah berjaya memberi sumbangan yang besar kepada sumber penghasilan negeri. Kemunculan Johor sebagai negeri pertama di Semenanjung Tanah Melayu yang menggerakkan pembangunan ekonomi menerusi kegiatan pertanian secara komersial mempunyai kaitan yang rapat dengan dasar kerajaan Johor ketika itu.⁵ Kesuburan muka buminya telah dieksploitasi untuk menggerakkan pembangunan ekonomi berasaskan aktiviti pertanian komersial. Kemajuan dalam bidang ekonomi ini tentunya mempunyai kaitan yang rapat dengan sistem pentadbiran kerajaan Johor yang cekap dan berkesan. Untuk menjadikan aktiviti ekonomi tersebut dijalankan secara sistematik dan tersusun, kerajaan Johor telah memperkenalkan sistem pentadbiran tanah yang menggunakan konsep 'Surat Sungai'.⁶

³ Lihat Malek Munip, "The Pioneers of Modern Johore", dalam *Malaysia in History*, Vol. 20, No.1, Jun 1977. Pengisytiharan persetiaan tersebut turut dimuatkan dalam bahagian lampiran Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1988. Kajian yang mendalam juga pernah diusahakan oleh Abdullah Zakaria Ghazali, (1997). *Istana dan Politik Johor (1835-1885)*, Yayasan Penataran Ilmu, Kuala Lumpur.

⁴ Lihat Shaharom Husain, *Sejarah Johor, Kaitannya Dengan Negeri Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam, 1995, hlm. 127.

⁵ Kassim Thukiman, "Sejarah Ekonomi Johor", dalam *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, 1998.

⁶ Kajian mengenai Sistem Kangchu menarik minat di kalangan sebahagian besar penyelidik. Kemungkinan ini tidak dapat dielakkan disebabkan Sistem Kangchu mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan pembangunan ekonomi Johor. Antaranya ialah Coope, A.E., "Kangchu System in Johore", *JMBRAS*, Part III Vol. XIV, 1936. Carl A. Trocki, "The Johor Archives and the Kangchu System 1844-1910", dalam *JMBRAS*, Vol. XLVIII Part 1, 1975. Carl A. Trocki, "The Origin of the Kangchu System 1740-1860", dalam *JMBRAS*, Vol. XLIX Part 2, 1976. Carl A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs and Development of Johore and Singapore, 1884-1885*, Singapore University Press, Singapore. M.A.

Sebenarnya pelaksanaan Sistem Kangcu ini bukanlah mudah. Dalam Sistem Kangcu, peneroka-peneroka Cina yang ingin membuka dan mengusahakan penanaman gambir dan lada hitam, akan menerima satu surat kebenaran dari pemerintah Johor yang dinamakan 'Surat Sungai' dan ditandatangani oleh Sultan Johor. Pemegang surat sungai ini dikenali sebagai 'kangcu' yang mempunyai lima hak-hak monopoli yang besar di kawasannya iaitu menjual arak, menjual babi, mengadakan tempat perjudian, pajak-pajak dan mendapat komisyen (dalal) daripada eksport gambir dan lada hitam dan import beras. Perniagaan candu dan aktiviti pelacuran juga dijalankan.⁷ Pemodal-pemodal Cina diberi pengecualian cukai selama 3 tahun.⁸ Selain daripada dokumen rasmi yang dinamakan Surat Sungai, kekuasaan Kangcu dilambangkan dengan dua lembar rotan dan sebilah lembing yang dianugerahkan oleh kerajaan Johor kepada kangcu. Peralatan yang merupakan simbol kuasa perlu disimpan di rumah kediaman Kangcu itu sendiri.⁹

Harus juga difahami bahawa Surat Sungai itu bukanlah bererti memberi 'hak kepunyaan' tetapi hanya semata-mata 'kebenaran' menanam dalam sesuatu kawasan tertentu, untuk jangka masa tertentu dan untuk jenis tanaman tertentu. Adalah jelas bahawa kuasa seorang Kangcu hanya boleh ditauliahkan oleh kerajaan Johor dan kuasa ini tidak boleh dipajakan, dipindahkan atau dijual kepada sesiapa pun.¹⁰ Tetapi terdapat juga kemungkinan bahawa Tuan Sungai yang sebenar ialah para pemodal yang tinggal di Singapura. Yang penting ialah kangcu biasanya tinggal di kawasan kangkarnya dan mengesahkan kedudukannya sebagai Ketua Kangkar. Ringkasnya, kangcu ialah ketua ladang dan ketua masyarakat.

Pelaksanaan sistem ekonomi pertanian komersial ini mempunyai kaitan yang rapat dengan orang Cina dan ini telah menyebabkan jumlah penduduk berketurunan Cina di Johor bertambah secara mendadak. Mulai tahun 1860-an umpamanya, adalah dianggarkan terdapat sebanyak 1,200 buah ladang gambir dan lada hitam yang menggunakan kira-kira 15,000 orang pekerja berbangsa Cina.¹¹ Antara tahun 1855-1862, terdapat kira-kira 70,000 orang Cina di Johor yang terlibat dalam pekerjaan menanam gambir dan lada hitam. Dalam tahun 1883, terdapat seramai 97 orang Kangcu yang mengendalikan 97 kawasan gambir lada. Pada tahun tersebut, terdapat 137 buah firma atau kedai yang mengendalikan urusan gambir lada, berbanding dengan 20 buah kedai sahaja pada tahun 1874. Perkembangan dan pertambahan perangkaan tersebut menjadikan Johor sebagai pengeluar komoditi gambir dan lada yang terbesar di dunia.¹²

Fawzi Basri, *Sistem Kangcu Dalam Sejarah Johor, 1844-1917*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984. Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangcu di Johor, 1844-1917*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1992.

7 Malek Munip, "Pentadbiran Bumiputra Ke atas Kegiatan Ekonomi Orang-Orang Cina di Johor, dalam *Malaysia in History*, Vol. 21, No.1, Jun 1978, hlm. 23.

8 Ahmad Fawzi Basri, *Johor*, hlm. 51.

9 *Ibid.*, hlm. 52.

10 Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangcu*, hlm. 26.

11 Malek Munip, "Pentadbiran Bumiputra", hlm. 22.

12 M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 7

Statistik menunjukkan pada tahun 1894, terdapat kira-kira 210,000 orang Cina yang bekerja dalam Sistem Kangcu. Keseluruhan penduduk Johor ketika itu ialah 300,000 orang.¹³

Sejarah awal pelaksanaan Sistem Kangcu di Johor yang tepat memang tidak diketahui. Berdasarkan rekod yang ada menunjukkan sistem tersebut telah mula dijalankan berdasarkan Surat Sungai bertarikh 26 Muharam 1260 (9 Oktober 1844). Temenggung Ibrahim, Pemerintah Kerajaan Johor telah mengeluarkan Surat Sungai yang pertama kepada seorang pekebun Cina bernama Lau Lib Keng. Namun begitu, sistem ini telah pun dilaksanakan oleh peladang Cina di Riau pada abad ke-18 dan Singapura pada awal abad ke-19 (1819-1844). Kemudiannya ia berkembang di negeri Johor mulai tahun 1844.¹⁴ Maklumat, laporan dan senarai daftar Surat-surat Sungai mengenai Sistem Kangcu memang ada disimpan dengan rapi di Arkib Negara Malaysia, cawangan Johor.¹⁵

Antara kawasan penanaman gambir dan lada hitam yang paling awal ialah Skudai. Menjelang tahun 1845, terdapat sebanyak 20 buah kebun di kawasan Sungai Skudai. Kawasan-kawasan lain ialah Sungai Melayu, Danga dan Tebrau.¹⁶ Melihat kepada geografi Johor, kawasan-kawasan selatan iaitu di Timur dan Barat Johor adalah merupakan kawasan kangcu yang awal. Namun begitu, ianya turut berkembang ke bahagian Utara, termasuklah Batu Pahat, Muar, Kluang, Kota Tinggi, Kluang dan Segamat. Dalam tahun 1862, sebanyak 37 Surat Sungai telah dikeluarkan oleh kerajaan Johor. Dengan itu, Johor telah menjadi pengeluar gambir dan lada hitam yang terkemuka di Nusantara mendahului Singapura dan Kepulauan Riau.

Daerah Muar sebagai contoh, merupakan kawasan yang menjadi tumpuan di kalangan peneroka Cina untuk mengusahakan penanaman gambir dan lada hitam menerusi Sistem Kangcu. Antara kawasan yang diusahakan ialah hulu Sungai Muar, Bukit Kepong, Sungai Labis, Lenga, Pagoh, Durian Chondong, Bukit Gambir, Chohong (Tangkak), Parit Jawa, Padang dan lain-lain. Pada peringkat awal, pelaksanaan Sistem Kangcu telah menarik kira-kira 12,000 orang Cina di kawasan Muar. Perkembangan aktiviti pertanian ini juga turut membangunkan Bandar Maharani sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan.¹⁷ Pada tahun 1911, adalah dianggarkan terdapat seramai 16,222 orang Cina yang tinggal di daerah Muar. Apa yang menarik, pelaksanaan Sistem Kangcu bukan sahaja dimonopoli oleh orang Cina semata-mata. Maharaja Abu Bakar juga menggalakkan orang-orang Melayu dan jiran dari Jawa untuk menyertai pertanian gambir dan lada hitam. Dengan itu, ramai orang Jawa datang ke Johor dan tinggal menetap di Parit Jawa dan Padang, di Muar.

Perkembangan ekonomi Johor yang begitu pesat, hasil daripada penanaman gambir dan lada hitam secara besar-besaran, adalah dikaitkan dengan beberapa faktor yang penting.

¹³ *Ibid.*, hlm. 10

¹⁴ Carl A. Trocki, "The Origins", 1976.

¹⁵ Carl A. Trocki, "The Johore Archive", 1975.

¹⁶ M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 4.

¹⁷ Abdul Malek Munip, *Bandar Maharani*, hlm. 72/73.

Pertama, pengeluaran hasil gambir dan lada hitam di Singapura dan kepulauan Riau telah mengalami kemerosotan yang teruk. Ini disebabkan tahap kesuburan tanah yang semakin mengurang. Kedua, pemerintah British di Singapura mula memperkenalkan dasar baru iaitu cukai tanah yang tinggi. Tambahan pula Singapura tidak dapat menampung kegiatan pertanian secara ladang kerana kekurangan kawasan tanah. Sebaliknya Johor yang merupakan negeri yang besar keluasannya dan mempunyai kawasan hutan yang belum diteroka. Ketiga, kadar permintaan yang tinggi terhadap gambir dan lada hitam di Eropah.

Dalam menjalankan Sistem Kangcu di Johor, terdapat beberapa istilah yang biasanya digunakan untuk dikaitkan dengan sistem tersebut:

- i. Kangcu – Tuan sungai yang mendapat anugerah kawasan dari Sultan. Kangcu adalah perkataan Teochiew yang bererti Ketua Petempatan Sungai.
- ii. Kongkek – Persatuan di kalangan Tauke Kangcu (Persatuan Gambir dan Lada Hitam). Ia juga dikenali sebagai Dewan Perniagaan Cina yang dianggotai oleh pemodal-pemodal kebun gambir dan lada hitam. Kongkek yang ditubuhkan pada tahun 1867 yang berfungsi sebagai Lembaga Pemasaran. Dalam konteks lain, Kongkek ialah badan penghubung yang berkesan antara pihak kerajaan dengan pemilik kangcu.¹⁸
- iii. Singkek – Kuli atau buruh kebun.
- iv. Kangkar – kawasan perkampungan orang-orang Cina yang bererti kaki sungai atau tebing sungai.
- v. Kongsoh – Badan ini ditubuhkan oleh pihak kerajaan Johor atas desakan kangcu. Kongsoh berfungsi untuk menyempurnakan pertolongan kepada tauke atau kuli kebun atas pajakan tanah atau pengeluaran hasil dari ladang. Kongsoh juga sering mengkaji perjanjian dengan Tauke kebun, Tauke Pajak Kebun dan Kangcu.

Selain daripada orang Cina, kegiatan ekonomi berasaskan aktiviti pertanian di dalam negeri Johor juga pernah diusahakan oleh keluarga berketurunan Arab. Dalam konteks ini, sejarah mencatatkan bahawa Sultan Abu Bakar pernah menganugerahkan Tanah Konsesi Kukup kepada keluarga Syed Mohammad Al-Sagoff untuk membuka dan mengusahakan tanah di kawasan tersebut.¹⁹ Kejayaan keluarga Al-Sagoff membuka dan mengusahakan kegiatan pertanian secara komersial turut memberi peluang pekerjaan khususnya di kalangan orang Jawa yang ramai berhijrah ke negeri Johor pada akhir abad ke-19.²⁰ Kemuncak kejayaan keluarga Al-Sagoff dalam kegiatan ekonomi ialah dengan diberi hak oleh Maharaja Abu Bakar untuk mengeluarkan mata wang persendirian khususnya yang digunakan di bahagian Barat Johor.

¹⁸ M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 10.

¹⁹ Lihat Mohd. Sohaimi Esa, *Ekonomi Orang Arab di Johor, 1862-1942*, Penerbit UMS, Kota Kinabalu, 1999.

²⁰ Lihat Khazin Mohd. Tamrin dan Sukiman Bohari, "Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan Kegiatannya Dalam Aspek Sosio-Ekonomi dan Politik Tempatan", dalam *Jurnal Jebat*, Bil. 10, 1980/81.

Namun begitu, hak yang sama pernah diberikan kepada seorang berbangsa Cina bernama Wong Ah Fook, yang telah mendapat tanah konsesi di sebelah Timur iaitu Mersing. Malangnya mata wang itu tidak dapat ditemui lagi sehingga ke hari ini.²¹ Suatu yang agak menarik untuk dinyatakan bahawa kemajuan dan pembangunan ekonomi dalam negeri Johor juga disumbangkan oleh orang Jepun.²² Keterlibatan ramai saudagar dari luar negeri dalam mengusahakan pelbagai kegiatan ekonomi di Johor mempunyai kaitan rapat dengan kedudukan geografinya yang berhampiran dengan Singapura,²³ yang merupakan pusat pelabuhan dan perdagangan antarabangsa.

Selain daripada Wong Ah Fook, seorang lagi saudagar Kangcu yang terkenal di Johor bernama Tan Hiok Nee. Beliau dikatakan mempunyai kawasan perladangan yang luas kerana mempunyai hubungan yang akrab dengan pihak kerajaan. Tan Hiok Nee juga mempunyai hak monopoli atas candu dan arak. Justeru itu, beliau pernah dilantik sebagai *Mayor* [Major] Orang Cina di Johor pada abad ke-19. Beliau dan seorang lagi tokoh Kapten Tye Haing pernah dilantik dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Ini boleh digambarkan dengan surat peringatan untuk membayar cukai iaitu “keterangan dari bawah kaus YMM Ungku Temenggung Abu Bakar Sri Maharaja Raja Johor kepada Tan Hiok Nee yang telah berkebud dalam tanah Johor di Sungai Kringkim [Kimkim], adapun sempadannya ke hulu sampai Sungai Kongkong, sebelah kiri mudik dan ke hilir sampai Sungai Tukang, maka hendaklah Tan Hiok Nee membayar cukai kepada beta bagaimana adat yang beta ada dalam tanah Johor sungguh dengan nyatanya serta adalah cop beta termetri di atas surat ini adanya”.²⁴

Apabila Temenggong Abu Bakar mengisytiharkan dasar ekonomi yang bebas dari bergantung kepada Singapura, ia telah mendapat tentangan yang hebat daripada para saudagar. Begitu juga apabila baginda mencadangkan setiap kapal dagang yang membawa keluar hasil dari negeri Johor perlu melaporkan dan singgah di Tanjung Puteri. Tujuan utama baginda berbuat demikian ialah untuk memecahkan monopoli saudagar-saudagar Singapura ke atas pemasaran hasil-hasil tanaman jualan, serta pengeksploitasian mereka ke atas penanam-penanam sejak permulaan Sistem Kangcu di Johor. Namun begitu, atas kebijaksanaan baginda, perkara tersebut telah dapat diselesaikan apabila beberapa buah pelabuhan baru telah dibuka untuk menjalankan urusan perdagangan iaitu Pendas, Kukup, Batu Pahat, Tanjung Surat dan Pengerang.²⁵

²¹ Lihat Saadiah Said, “Kegiatan Keluarga Al-Sagoff Dalam Ekonomi Negeri Johor 1878-1906”, dalam *Jurnal Jebat*, Bil. 7/8, 1977/79, hlm. 65.

²² Lihat Kassim Thukiman, “Penglibatan Orang Jepun Dalam Kegiatan Ekonomi di Johor Sebelum Perang Dunia Kedua”, dalam *Jurnal Jebat*, 1998.

²³ Lihat Wong Lin Ken, *The Trade of Singapore, 1819-1869*, MBRAS Reprint No. 23, Kuala Lumpur, 2003.

²⁴ Surat dari Ungku Abdul Rahman iaitu Wakil Ungku Temenggung Abu Bakar Sri Maharaja Raja Johor bertarikh 23 Rabiulawal. Dipetik dari M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 50.

²⁵ Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangcu*, hlm. 43-44.

Dalam usaha permodenan pentadbiran Johor, Sultan Abu Bakar telah memperkenalkan undang-undang berkaitan tanah. Baginda memberi tumpuan kepada aspek tanah disebabkan pembangunan ekonomi yang begitu pesat di Johor banyak bersangkutan dengan hal-hal tanah, terutama daripada segi pemilikan atau pemajakan. Dengan bantuan kerajaan British di Singapura, Sultan Abu Bakar telah dapat menggubal satu Kanun Kangcu pada tahun 1873.²⁶ Matlamat utama kanun ini ialah untuk melindungi pelaburan dan bukan bertujuan untuk mempertahankan kepentingan penanam-penanam gambir yang sepanjang masa telah dieksploitasi. Mengikut peraturan-peraturan di bawah kanun ini, ladang-ladang gambir didaftarkan di bawah seorang Kangcu.

Pada peringkat awal, pelaksanaan Sistem Kangcu di Johor, memang terdapat kekurangan atau kelemahan daripada segi peraturan dan undang-undang. Oleh yang demikian, terdapat perubahan dan pembaharuan Surat Sungai yang telah diperkenalkan sejak tahun 1840-an. Misalnya pada tahun 1860, pihak kerajaan Johor telah mengeluarkan peraturan baru yang membenarkan konsep perkongsian dengan memasukkan nama ahli kongsi dan jumlah saham dalam Surat Sungai. Biasanya ahli kongsi akan dimasukkan namanya kerana mereka turut menyumbangkan modal kepada seseorang Kangcu.²⁷ Namun begitu, ianya masih dapat membezakan di antara pemodal (ahli kongsi) dengan pemilik kebun (Kangcu). Maklumat-maklumat mengenai hal pajakan kawasan pertanian juga turut dimasukkan dalam perjanjian yang baru.²⁸

Menjelang tahun 1866, satu dokumen baru telah digubal untuk memantapkan lagi peraturan mengenai Kanun Surat Sungai iaitu Surat Jual-Beli. Surat Jual-Beli ini berfungsi sebagai rekod yang mencatatkan semua pembelian geran Surat Sungai, termasuk juga ladang-ladang yang terlibat, peralatan yang digunakan dalam ladang serta pembahagian saham-saham yang terdapat di dalam sesebuah kongsi.²⁹

Kemajuan dalam pelaksanaan sistem ekonomi perladangan yang berasaskan 'Surat Sungai' mempunyai kaitan dengan pengenalan undang-undang pentadbiran tanah dalam negeri Johor. Pada tahun hijrah 1282 (1865), kerajaan Johor mulai mensyaratkan semua jual beli, gadaian dan mencagar kebun gambir dan lada hitam hendaklah didaftarkan. Mahkamah Johor tidak akan menyelesaikan sebarang kes pertikaian antara Tauke Kebun, Tauke Pajak dan Kangcu jika hal-hal berkaitan pengurusan tanah kebun itu tidak didaftarkan di pejabat kerajaan Johor. Namun begitu, undang-undang Kangcu telah mengalami pindaan dan ditambah dalam tahun hijrah 1283 (1866). Undang-undang baru itu mengandungi tiga fasal yang merangkumi hal-hal berkaitan denda-denda dan hukuman kepada pihak yang mengingkari undang-undang asalnya. Pada kebiasaannya,

²⁶ *Ibid.*, hlm. 44.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 46.

²⁸ Lihat Register Surat-surat Pajak Bahagian Sungai T.H. 1313-1333 (T.M. 1896-1914) ANMJ.

²⁹ Lihat Surat Jual Beli Bahagian Sungai Johor, 1896-1916, ANMJ dan Surat-surat Jual Beli, Surat-surat Kongsi, Surat-surat Pajak dan Surat-surat Perjanjian Hutang, T.H.1284-1301, ANMJ.

penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan perkebunan gambir dan lada hitam akan melibatkan juga pihak Kangcu dan pemilik tanah.

Biasanya Surat Sungai yang dikeluarkan kepada Kangcu ditulis dalam tulisan jawi. Surat tersebut akan mengandungi butiran seperti nama Kangcu, tarikh, kawasan yang dikurniakan, keluasannya, undang-undang yang perlu dipatuhi serta mendapat tandatangan dari pihak Sultan Johor. Terdapat 17 Fasal undang-undang yang perlu dipatuhi.³⁰ Berikut adalah undang-undang (kanun) Kangcu yang telah digubal dan dilaksanakan dalam Sistem Kangcu di negeri Johor:

I. Surat Tauliah Kangcu

Ketahuilah Oleh Segala Orang

Bahawa titah daripada kebawah Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia Sultan bagi Negeri dan Jajahan Johor.

Dijunjungkan kepada _____

Dijadikan kangcu atas segala anak buahnya di dalam _____

Ketahuilah olehmu yang engkau telah dijadikan kangcu, maka hendaklah engkau menurut dan memelihara perintah-perintah di dalam fasal-fasal yang tersebut di bawah ini:

Fasal yang pertama

Hendaklah engkau menurut akan segala perintah dan hukum dan undang-undang kita yang dikehendaki baik yang ada sedia dan yang akan datang serta mengerjakan dan menyuruhkan dan menguasai dia. Maka janganlah mendapatkan barang sesuatu kecacatan atasnya.

Fasal yang kedua

Hendaklah engkau menjauhkan dan menegahkan dengan bersungguh-sungguh daripada larangan kita dan menguasai dia.

Fasal yang ketiga

Hendaklah engkau menjaga akan segala anak buah engkau rakyat kita dan menunjukkan bagi mereka itu sekalian dengan jalan yang benar dan bagi pekerjaan yang mendapatkan keuntungan atas mereka itu sekalian dan bagi kebajikan tanam-tanamannya daripada gambir lada serta menyiasat segala hal dalamnya.

Fasal yang keempat

Hendaklah engkau memelihara kedamaian dan kesempurnaan di dalam kawalan engkau dan hendaklah engkau menentukan dan menyelesaikan segala hak orang dengan kadar kuasa yang ada pada tangan engkau dengan keadilan dan insaf.

³⁰ A.E. Coope, "The Kangchu System", hlm. 166-167. Lihat di bahagian lampiran I.

Fasal yang kelima

Sebarang bila datang perintah kita memanggil akan engkau, maka hendaklah segera engkau datang.

Fasal yang keenam

Hendaklah engkau membantu sesiapa yang di dalam pekerjaan polis atau yang di dalam pekerjaan perintah kita atau perintah yang di dalam pangkat pegawai-pegawai yang memegang pekerjaan di dalam kerajaan kita manakala sesak atau menuntut Bantu oleh mereka itu.

Fasal yang ketujuh

Hendaklah engkau menolong akan orang yang teraniaya dengan seseberapa kuasa.

Fasal yang kelapan

Banduan yang lari berjumpa ia dengan engkau atau dengan anak buah engkau, hendaklah tangkap akan dia dan serahkan ke polis Johor.

Fasal yang kesembilan

Ketahuiilah oleh kangcu dan sesiapa yang ada bahagian di dalam sungai ini dan orang-orang lain, yang surat kangcu ini tiada boleh dijual gadai atau dicagarkan hutang sekali-kali tidak sah jika diperbuat demikian.

Fasal yang kesepuluh

Kangcu ini tiada boleh mewakili barang seorang sama ada dari sekutu-sekutunya istimewa orang lain menjalankan pekerjaan kangcu melainkan dengan kebenaran kerajaan kerana adalah kerajaan telah mengetahui sesiapa yang ada di dalam di antaranya dijadikan kangcu itulah harapan kerajaan atasnya.

Fasal yang kesebelas

Diingatkan di sini kepada engkau dari hal candu arak di dalam sungai engkau ini, janganlah diberi berputusan dan kerajaan memaksa akan engkau mengadakan barang-barang itu setiap-setiap hari bagi kadar yang cukup makan orang kebun-kebun di dalam sungai engkau ini dan orang-orang di dalam kangkar dari satu masa kepada satu masa, jikalau ada keputusan tertanggung kesalahan itu atas engkau.

Fasal yang kedua belas

Apabila kedatangan sesuatu hal mati hilang atau hendak belayar atau hendak memohonkan ganti kangcu yang telah dikurniakan surat ini dengan namanya, hendaklah surat ini dihantarkan balik kepada pihak kerajaan serta memaklumkan supaya ditukar lain.

Fasal yang ketiga belas

Wajiblah kangcu menyiasat dan mengetahui serta selalu simpan di dalam sesuatu daftar yang betul atas hal-hal dan keadaan tiap-tiap dan seberapa. Kebun-kebun yang ada dalam sungai kawasannya itu dan berapa ada orang dalamnya bagi permakluman kepada kerajaan bila-bila dikehendaki mengetahuinya.

Fasal yang keempat belas

Hendaklah Kangcu selalu memeriksa kebun dan menyuruh mencucinya dan memberitahu kepada taukeh pajak masing-masing supaya memberi pertolongan wang mencucikan kebun-kebun pajak masing-masing, janganlah diringankan perintah ini, sekiranya lambat dicuci oleh pihak wakil kebun dan lambat ditolong belanja oleh taukeh pajak, belanja mencuci itu hendaklah kangcu sendiri upahkan orang mencucinya beberapa belanjanya yang patut minta kepada taukeh kebun itu. Jika tidak dibayarnya ambil dari gambir-gambir atau lada yang dikeluarkan dari kebun-kebun bagi sekadar jumlah wang upah mencuci itu serta berilah tahu dengan surat kepada taukeh pajak hal itu.

Fasal yang kelima belas

Terima dan makanlah oleh kamu apa-apa keuntungan yang telah kita kadarkan bagi kamu semua dan berbahagi-bahagilah di antara kamu yang ada bersekutu di atasnya dengan benar.

Fasal yang keenam belas

Orang yang membuat baik akan mendapat kebajikan dan orang-orang yang berbuat jahat dia menanggung dosa dan akan merasai hukuman.

Fasal yang ketujuh belas

Ketahuilah olehmu serta segala orang yang hadir tidaklah seorang dapat dipanggil Kangcu melainkan dapat kurnia surat gelaran daripada kita serta surat ini. Tidaklah harus kita menetapkan seseorang yang mengingkar akan perintah kita di dalam pangkatnya hendaklah ingat-ingat.

Mudah-mudahan Tuhan seru sekalian alam menolong akan kamu.

Dijunjung di dalam _____ pada _____ hari _____

Dalam usaha untuk melicinkan pentadbiran Sistem Kangcu, kerajaan Johor telah meluluskan Undang-undang Kangcu pada tahun 1873. Undang-undang ini mengandungi 81 Fasal, yang antara lain seperti berikut.³¹

Fasal yang pertama

Setiap orang yang dilantik sebagai Kangcu atau pembantunya, diwajibkan melaporkan diri kepada pihak Polis Johor dan mendaftarkannya dengan meletakkan pejabat yang sebenar. Pegawai akan memungut cukai sebelum memasukkan namanya dalam daftar.

³¹ Abdullah Zakaria Ghazali, "Pelaksanaan Peraturan", hlm. 234. Perincian mengenai kesemua fasal undang-undang tersebut ada dihuraikan oleh A.E. Coope, "The Kangchu System", hlm. 168-177.

Fasal yang kedua

Setiap Kangcu yang dilantik akan menerima tauliah rasmi dengan mendapat dua lembar rotan dan sebilah lembing, yang dipanggil Rotan dan Lembing Kangcu, yang mesti disimpan di rumah Kangcu.

Fasal yang ketiga

Kangcu tidak boleh memindahkan kuasa yang ada padanya kepada pihak lain atau kepada kaum keluarga tanpa mendapat kebenaran dari Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya.

Fasal yang keempat

Sekiranya Kangcu atau ahli keluarga meninggal dunia, kerabatnya akan mengambil alih untuk mentadbir kawasan perintahnya dan kesemua barangan yang terdapat di kawasannya.

Fasal yang kelima

Sekiranya Kangcu hendak melawat ke negara China, ia perlu melantik seorang pengganti (timbangan). Kangcu mesti memberi keutamaan kepada kaum keluarga dalam soal pelantikan walaupun mempunyai ia mempunyai hak untuk melantik orang lain.

Fasal yang keenam

Sekiranya tiada Kangcu yang dilantik, pemilik kebun boleh pergi ke pejabat daftar di Polis Johor untuk melantik ahli keluarga Kangcu dan mendapatkan sijil pendaftaran dan membayar yuran pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor. Rotan dan lembing akan diberikan berserta sijil pendaftaran.

Fasal yang ketujuh

Pembantu (timbangan) Kangcu wajib mendapatkan sijil pelantikan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya dan membayar yuran. Setiap sijil dinamakan sijil pembantu Kangcu.

Fasal yang kelapan

Sekiranya Kangcu melewatkan permohonan tersebut atau tidak mengambil sijil pelantikan, Kangcu mungkin dihukum dan didenda sebagaimana yang diadatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya.

Fasal yang kesembilan

Setiap Kangcu dikehendaki menyelia kesemua pemilik kebun gambir lada di kawasan perintahnya. Kangcu juga meminta pemilik kebun bertanam dan mencucikan dengan bagus dan bersih segala kebun-kebun itu serta hendaklah pergi memeriksa dan menyiasat akan hal itu dalam tiap-tiap seminggu atau dua minggu sekali.

Fasal yang kesepuluh

Kangcu-kangcu hendaklah menulis ke dalam daftarnya daripada beberapa banyak kebun-kebun dan nama tuan-tuan kebun yang memilikkan kebun itu serta chapnya.

Fasal yang kesebelas

Tiadalah dibenarkan sekali-kali Kangcu-kangcu memasong orang-orang yang salah atau sebagainya di dalam kangkar-kangkar lebih daripada tiga hari dan memalu dengan rotan tiada boleh lebih daripada setengah dozen dan menjatuhkan denda tiada boleh lebih daripada sepuluh ringgit.

Fasal yang kedua belas

Apakala Kangcu hendak membangunkan rumah-rumah besar di Kangkar-kangkarnya serta hendak menggunakan papan atau kayu-kayu kerana perkakas-perkakas rumah yang tersebut hendaklah terlebih dahulu mengambil surat keterangan di Polis Johor kepada pegawai yang menjabat pekerjaan itu dan menyatakan kepada pegawai yang tersebut apa macam rumah yang hendak dibangunkan dan berapa besarnya dan berapa panjangnya dan apa-apa nama sungainya supaya pegawai yang tersebut boleh memasukkan ke dalam daftarnya serta membayar belanja surat sahaja dengan tiada membayar cukai.

Fasal yang ketiga belas

Kangcu-kangcu tidak boleh membuka Hoey [kongsi gelap] lain daripada Hoey Ngee Heng [Ghee Hin], bagaimana yang telah dibenarkan dan ditetapkan daripada zaman Almarhum di dalam perintahnya.

Fasal yang keempat belas

Tiap-tiap Kangcu hendaklah mengetahui dan menurut kepada mereka yang di bawah perintahnya, apakala mereka itu hendak membuat kebun baru, maka telah berjanji dengan taukeh-taukeh yang menolong mengeluarkan modal kerana hendak memajak kebun-kebun itu. Maka sebelum taukeh yang hendak memajak itu mengeluarkan wangnya atau sudah, maka hendaklah disuruhkan kedua mereka itu pergi ke Polis Johor supaya dimasukkan nama keduanya serta segala perjanjian mereka itu iaitu sementara keduanya itu belum membuat surat pajak, maka dari sebab yang demikian itu hendak memelihara kedua pihak daripada mereka itu boleh mendapat aman.

Fasal yang kelima belas

Kangcu-kangcu hendaklah menjaga dan menyiasat segala di atas segala orang-orang kebun gambir lada yang di bawah perintahnya, hendaklah ditegahkan mereka itu daripada mengeluarkan gambir yang tiada baik, demikian juga atas Kepala Pukat Sungainya supaya jangan ia menerima gambir yang tiada baik.

Fasal yang keenam belas

Hendaklah Kangcu memeriksa di mana-mana tempat yang boleh diperbuat kebun gambir lada. Maka jikalau ada orang yang berkehendak membuatnya senang menyatakan sempadan-sempadannya supaya jangan mereka itu berkeliru atau berbantah pada kemudian hari.

Fasal yang ketujuh belas

Sebarang kuli bagi kebun gambir lada yang terhutang pada tuan kebun lari kepada kebun yang lain dalam perbahagian seorang Kangcu, hendaklah Kangcu suruhkan balik kepada

tuan kebun yang mendatangi dia yang dahulu dan jikalau pada sungai yang lain yang bukan perintahnya, hendaklah memberi kenyataan dan minta akan mereka itu pada Kangcu. Maka hendaklah Kangcu suruhkan mereka itu balik kepada yang menghutangkan dia yang dahulu itu.

Fasal yang kelapan belas

Hendaklah Kangcu membenarkan di atas segala kebun gambir lada yang tiada berpajak itu menjual gambir ladanya di mana-mana tempat yang ia suka.

Fasal yang kesembilan belas

Kangcu-kangcu atau sekutunya hendak memajakkan daripada hasil-hasil sungainya kepada barang siapa, hendaklah memberitahu dan menyatakan ke Polis Johor kepada pegawai yang menjabat pekerjaan itu supaya pegawai itu memasukkan nama ke dalam daftarnya, serta hendaklah yang memegang pajak membayar belanja memasukkan nama bagaimana yang diadatkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya.

Fasal yang kedua puluh

Fardu atas Kangcu-kangcu mengetahui dari hal gambir-gambir yang baik. Adapun yang dikatakan gambir yang baik itu kering dan keras dan bersih daripada sesuatu yang mencacatkan dan hendaklah ada berat gambir pada sebukunya sekira-kira dua puluh lima buku daripada yang kering jadi beratnya sekati. Ada pun gambir yang berlawanan dengan segala sifatnya yang tersebut ialah yang dikatakan gambir yang tiada baik.

Fasal yang kedua puluh satu

Kangcu-kangcu atau sekutunya hendak berjual bahagiannya hendaklah dimaklumkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya. Maka hendaklah kedua pihaknya membuat surat jual beli yang terpakai serta memasukkan nama ke dalam daftarnya dan hendaklah orang yang membeli itu membayar belanja memasukkan nama bagaimana adat yang ditetapkan dan lagi hendaknya ia membayar faedah seratus satu dikira-kirakan daripada harganya.

Fasal yang kedua puluh dua

Mata-mata gelap atau centeng daripada Kongsi Candu yang ada padanya waran, apakala ia mengadu kepada Kangcu minta tolong tangkap akan orang yang disangkanya ada padanya candu atau opium larangan yang di dalam perbahagian sungainya, maka tiada boleh tidak hendaklah ia menolong dan menangkap akan dia serta meteraikan chapnya di atas tempat candu atau opium larangan yang ditangkap itu supaya jangan sehingga di hadapan hakim di Majlis Johor.

Fasal yang kedua puluh tiga

Sebarang orang yang mendapat waran dari Polis Johor akan menangkap siapa yang ada di dalam perbahagian sungai bagi Kangcu, hendaklah ia menunjukkan di mana ada mereka itu, demikian jua kebun yang dikehendaki oleh notis, demikian jua orang-orang yang dikehendaki oleh saman, demikian jua orang yang dikehendaki oleh sapina atau sebagainya dari Polis Johor.

Fasal yang kedua puluh empat

Orang-orang kebun yang berpajak tatkala kepicikan belanja bolehlah ia menggadaikan gambir ladanya pada Kangcu dengan yang patut pada sepikul lada dan gambir. Maka manakala pukut keluar bolehlah dikirimkan oleh Kangcu akan gadaian itu serta dengan keterangan padanya supaya taukeh yang memajak kebun itu boleh membayar pada Kangcu.

Fasal yang kedua puluh lima

Ada dua bahagian orang-orang salah seperti di bawah ini:

Pertama, pencuri dan penyamun dan yang memukul orang hingga luka. Kedua, yang membunuh dan yang membakar rumah dan sebagainya dan yang membinasakan kebun-kebun gambir lada. Maka Kangcu boleh tangkap dengan Rotan Kangcu serta pasong akan dia.

Fasal yang kedua puluh enam

Jikalau ada mereka yang membuat salah yang tersebut di dalam fasal yang kedua puluh lima dalam undang-undang ini, maka setelah tertangkap oleh Kangcu, maka Kangcu tiada upaya hendak menghantarkan mereka yang tersebut itu dari sebab terlalu jauh atau tiada cukup sarat, maka bolehlah Kangcu serahkan di mana-mana Rumah Pasong yang hampir daripada tempatnya dan memberi segala report atau pengaduan sekali kepada Kepala Rumah Pasong itu supaya boleh Kepala Rumah Pasong menghantar dan menyerahkan ke Polis Johor.

Fasal yang kedua puluh tujuh

Kangcu hendaklah menangkap akan orang-orang jahat. Ialah orang-orang yang telah berjual kebun daripada tangannya yang dibeli oleh orang-orang lain, kemudian datanglah ia pada kebun itu membinasakan tanam tanaman dan bangsalnya atau kawah dan dapornya atau menakuti akan orang yang baru menjaga kebun itu. Maka jikalau dapat mereka itu ditangkap hendaklah diserahkan ke Polis Johor.

Fasal yang kedua puluh lapan

Apakala ada sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang terlebih jahat iaitu seperti bunuh membunuh atau tikam menikam dan rompak merompak atau samun menyamun yang berlaku di dalam perintah Kangcu, maka wajiblah atas Kangcu memeriksa dan menyiasat dengan terang serta menuliskan ke dalam daftarnya apa-apa pasalnya sebab jadi perkara-perkara yang tersebut serta hendaklah dituliskan ke dalam daftarnya nama-nama mereka yang melakukan pekerjaan itu serta nama segala saksi-saksinya yang boleh menerangkan perkara-perkara itu. Maka apakala sudah sedia waktu itu tiadalah boleh sekali-kali Kangcu melalaikan perkara-perkara itu lebih daripada enam jam hendaklah dengan segeranya dihantarkan serta mereka-mereka melakukan pekerjaan itu dan saksi-saksinya ke Polis Johor.

Fasal yang kedua puluh sembilan

Perkara-perkara seperti yang tersebut di dalam fasal yang kesebelas dalam undang-undang ini, jikalau Kangcu hendak menjatuhkan hukuman atau denda di atas mereka itu

hendaklah terlebih dahulu Kangcu periksa dengan terang serta menuliskan ke dalam daftarnya iaitu mereka yang mendakwa dan yang kena dakwa serta segala saksi-saksinya. Maka jikalau sudah terang serta cukup segala kesalahannya dan apa-apa hukuman atau denda yang hendak dilakukan di atas mereka itu atau sudah dijatuhkan hukuman atau denda hendaklah dituliskan juga kedalam daftarnya apa-apa hukuman atau denda yang telah dilakukannya di atas mereka itu.

Fasal yang ketiga puluh

Wajib di atas Kangcu memeriksa daripada segala bangsa-bangsa Cina yang duduk di dalam perintahnya apakala mereka itu hendak kahwin, wajiblah baginya sendiri atau wakilnya atau warisnya pergi mendapatkan Kangcu serta memasukkan pengaduannya serta hendaklah mereka itu memberi jawab dengan sebenarnya daripada segala soal-soal Kangcu yang tiada boleh tidak baginya menghendaki kerana kemasukan ke dalam daftarnya. Demikian jua apakala mereka itu beranak atau mati hendaklah menurut apa-apa aturan yang tersebut di dalam fasal ini.

Fasal yang ketiga puluh satu

Sesuatu perkara yang berselisih dan berbantah di antara sempadan-sempadan atau kawasan kebun atau hutan-hutan, maka jikalau tiada terputus oleh Kangcu akan perkaranya, istimewa pula kedua pihak daripada mereka itu tiada suka akan Kangcu datang ke Johor Bahru dan mendapatkan Engineer Johor yang menjabat pekerja itu, maka bolehlah Kangcu minta akan Engineer sendiri pergi menyelesaikan dan membahagikan perselisihan dan perbantahan di antara kedua pihaknya.

Fasal yang ketiga puluh dua

Kangcu-kangcu apakala tiada sempat hendak datang ke Johor Bahru, maka hendaklah dengan segeranya menulis surat sahaja dan hendaklah ditekan chap Kangcu sendiri, maka suruhkan kedua pihak mereka yang berbantah itu datang menghantarkan sendiri kepada Engineer Johor yang tersebut dan apa-apa belanja yang kena di dalam pekerjaan yang tersebut wajiblah di atas mereka yang salah membayarnya.

Fasal yang ketiga puluh tiga

Wajib atas Kangcu menimbang segala gambir lada yang keluar daripada tiap-tiap kali pukut keluar iaitu dalam tiap-tiap bulan serta hendaklah memberi satu keterangan kepada taukeh yang mempunyai gambir lada itu dan satu keterangan kepada yang memegang pajak cukai gambir lada dan menyatakan di dalam keterangan itu adapun gambir-gambir yang tersebut yang dihantarkan oleh pukut itu telah ditimbang dengan dacing yang benar.

Fasal yang ketiga puluh empat

Hendaklah Kangcu menuliskan ke dalam daftarnya iaitu segala copy-copy [salinan] keterangan yang dikirimkan bagaimana yang tersebut di dalam fasal yang ketiga puluh tiga di dalam undang-undang ini.

Fasal yang ketiga puluh lima

Fardu atas Kangcu-kangcu memeriksa pada tiap-tiap taukeh kebun dengan taukeh-taukeh yang memegang pajak kebun gambir lada iaitu apa-apa perselisihan atau perbantahan di

antara kedua pihaknya dari kerana timbang menimbang gambir lada dan beras dan lain-lain barang, demikian jua harga-harga barang yang tersebut atau barang yang kelaziman dipakai atau digunakan orang-orang kebun itu.

Fasal yang ketiga puluh enam

Pukat gambir lada atau perahu-perahu perkuatkan gambir lada yang di dalam perintah Kangcu hendaklah suruhkan mengambil keterangan dan nombor akan dipakai dihaluannya.

Fasal yang ketiga puluh tujuh

Hendaklah Kangcu menegahkan kepada orang-orang pukat gambir lada, tiada boleh sekali-kali ia menerima gambir lada yang memakai chap lain daripada yang telah dimasukkan namanya ke dalam office [pejabat] bagi pekerjaan itu.

Fasal yang ketiga puluh lapan

Kangcu hendaklah menyuruhkan kepada orang-orang pukat gambir lada menaruh suatu daftar serta hendaklah disuruhkan menulis padanya daripada banyak dan nama atau chap atau chap segala kebun-kebun yang ada dalam sungai itu dengan tertib bilangan dan kadar gambir lada yang dibawanya bagi tiap-tiap kebun itu. Maka jikalau tiada gambir ladanya itu pun hendaklah dinyatakan juga di situ serta hendaklah dibubuhnya haribulan yang keluar dari sungai itu dan sampai ke tempat yang dikehendaknya.

Fasal yang ketiga puluh sembilan

Orang bagi tiap-tiap pukat gambir lada tiada boleh sekali-kali membeli akan sebarang gambir lada melainkan jikalau ia berhajat sekadar hendak makan.

Fasal yang keempat puluh

Hendaklah Kangcu memeriksa dan menyiasat jikalau ada gambir lada keluar gelap dari suatu sungai perintah Kangcu dengan lain daripada pukatnya, jikalau dapat terang hendaklah ditangkap akan mereka itu serta gambir ladanya dan sebarang alat membawanya serta hendaklah Kangcu serahkan dengan segeranya ke Polis Johor.

Fasal yang keempat puluh satu

Kangcu hendaklah membenarkan pada siapa mereka yang memajak gambir lada itu, bolehlah ia mengambil keuntungan di atas orang-orang kebun pada tiap-tiap sepikul beras yang dijual tiga puluh sen, demikian juga boleh orang-orang kebun itu memberi bagi pada sepikul gambir dan lada lima kati.

Fasal yang keempat puluh dua

Fardu atas Kangcu menyuruhkan orang-orang kebun itu memakai 'chonto'. Maka chonto itu juga apakala orang-orang kebun itu menerima barang-barang atau menyerahkan barang pada yang memajak kebun dan harga daripada segala barang-barang yang diterimanya dan yang diserahkan hendaklah dituliskan dengan terangnya ke dalam chonto-chonto itu.

Fasal yang keempat puluh tiga

Hendaklah Kangcu memeriksa di mana-mana kebun yang di bawah perintahnya, jikalau kebun itu tiada berkuli atau kekurangan kuli hendaklah dinyatakan kepada yang memajak kebun itu dan suruhkan ia menambah kuli dengan cukup supaya memelihara kebun itu.

Fasal yang keempat puluh empat

Jikalau sesiapa mereka yang di dalam kawasan Kangcu-kangcu hendak berjual tanah atau kebun gambir lada atau sebagainya, demikian jua menukar nama atau menggadaikan atau menjadikan cagaran hutangnya segala perjanjian, maka wajiblah di atas Kangcu menyuruhkan kedua pihak daripada mereka itu datang memasukkan nama ke dalam Office Kepala yang menjaga pekerjaan itu di Johor Bahru supaya kedua pihaknya yang tersebut boleh menunjukkan surat jual beli atau sebagainya, bagaimana yang tersebut di dalam fasal ini serta hendaklah kedua pihaknya itu menapak tangan di hadapan pegawai yang tersebut itu, maka pegawai itu boleh memasukkan ke dalam daftarnya.

Fasal yang keempat puluh lima

Tiap-tiap kebun yang berkongsi bahagian apakala mereka itu hendak menjualkan bahagiannya, hendaklah terlebih dahulu menyatakan kepada Kangcu serta mendapat izin daripadanya supaya Kangcu itu boleh menekan chapnya di atas surat jual beli mereka itu.

Fasal yang keempat puluh enam

Jikalau Kangcu ada menghutangkan taukeh-taukeh kebun jikalau taukeh kebun yang tersebut itu mati atau lari meninggalkan kebunnya atau sebagainya, hendaklah terlebih dahulu Kangcu memberi tahu kepada Kepala Baitul Mal. Kangcu serta Baitul Mal yang tersebut itu boleh nilai akan harga kebun itu dengan yang patut. Maka jikalau sudah terjual serta berterima wangnya, jikalau taukeh kebun itu ada berbicara dan belum dibayarnya belanja itu hendaklah Kangcu bayarkan kepada tempat bicara yang tersebut. Demikian jua jikalau mereka itu bicara ada mengambil wakil syara', demikian jua gaji segala kuli-kuli yang bekerja di dalam kebun itu yang belum berbayar, maka Kangcu boleh menerima piutang lima puluh ringgit.

Yang tersebut itu ada berhutang demikian jua hendaklah dibayarkan kepada taukeh yang memajak kebun itu. Maka jikalau ada lebih wang yang tersebut, maka taukeh kebun itu ada berhutang kepada tempat-tempat lain, hendaklah bahagikan dengan kadar yang patut. Kangcu pun boleh menerima sama-sama piutangnya jikalau tiada cukup diterima bagaimana yang tersebut itu. Di dalam pada itu jikalau ada lebih, hendaklah Kangcu serahkan kepada Kepala Baitul Mal supaya disimpan atau dipulangkan kepada siapa yang empunya milik di atas wang yang tersebut itu.

Fasal yang keempat puluh tujuh

Kangcu hendaklah memeriksa jikalau seseorang kebun yang sudah mengambil wang kepada seorang kerana berjanji memajakkan gambir lada kepadanya tiba-tiba engkar daripada membuat surat perjanjian dari hal pajak dengan orang yang tempat ia mengambil wang itu, maka bolehlah Kangcu serahkan mereka itu ke Polis Johor. Demikian jua jikalau mereka yang mengeluarkan wang itu pula engkar daripada membuat surat yang tersebut ini dengan orang kebun yang mengambil wang itu,

hendaklah Kangcu nyatakan dengan segeranya supaya Polis Johor boleh menimbangkan apa-apa jalan yang patut di atas kedua pihak daripada mereka itu.

Fasal yang keempat puluh lapan

Apakala Kangcu membeli candu arak di Kongsi Candu Johor atau di tempat-tempat perjualan Kongsi Candu, di mana tempatnya hendaklah dituliskan ke dalam sesuatu daftar yang terang. Demikian jua jikalau Kangcu menjual candu kepada segala mereka yang di dalam perintahnya.

Fasal yang keempat puluh sembilan

Fardu atas Kangcu menyiasat akan siapa mereka yang telah mendapat keterangan kerana bekerja kayu atau memotong papan atau sebagainya di dalam perintahnya.

Fasal yang kelima puluh

Mereka-mereka yang di dalam perintahan Kangcu-kangcu, apakala ia hendak menebang hutan sama ada membuat kebun baru atau menambah kebun-kebun lama, hendaklah segala mereka yang tersebut itu terlebih dahulu memberi serta menyatakan kepada Kangcu supaya Kangcu memasukkan nama ke dalam daftarnya.

Fasal yang kelima puluh satu

Apakala ada mereka yang mendapat keterangan yang tersebut di dalam fasal yang keempat puluh sembilan dalam undang-undang ini, maka hendaklah Kangcu siasat akan dia tiada boleh mereka itu bekerja pada hutan-hutan yang tiada lebih hampir dari lima puluh depa dengan sempadan dan kebun-kebun, jikalau ada yang demikian hendaklah Kangcu tahu akan dia iaitu sementara memberi tahu serta mendapat kenyataan dari Johor Bahru.

Fasal yang kelima puluh dua

Tidak boleh Kangcu menegah atau menahan akan siapa mereka yang tersebut di dalam fasal yang lima puluh satu di dalam undang-undang ini, sebelum mereka itu melalui atau melanggar hukuman di dalam fasal yang tersebut. Demikian jua tidak boleh ditegah sekali-kali akan mereka itu memotong kayu-kayu yang ada pada suatu hutan yang di tengah segala sempadan-sempadan kebun gambir lada atau dusun buah-buahan.

Fasal yang kelima puluh tiga

Jikalau ada mereka yang bekerja kayu atau memotong papan pada barang suatu hutan, maka tiada jalan lain baginya hendaklah mengeluarkan kayu-kayu atau papan-papan dari situ melainkan melalui di atas sempadan kebun gambir lada atau dusun buah-buahan dalam kawasan Kangcu, maka hendaklah Kangcu membenarkan dan memberi tahu kepada tuan kebun itu terlebih dahulu supaya tuan kebun itu meluluskan dan lagi jikalau terkena pada tumbuh-tumbuhan yang berguna seperti gambir lada atau pokok buah-buahan, maka hendaklah Kangcu minta pembayarannya kepada mereka yang bekerja itu dengan kadar yang patut serta suka sama suka antara kedua pihaknya. Jikalau dari sebab itu kedua pihak tiada suka akan Kangcu mematutkan bolehlah Kangcu serta kedua pihaknya datang ke Polis Johor supaya diselesaikan ke Polis Johor.

Fasal yang kelima puluh empat

Kangcu hendaklah memeriksa jikalau ada mereka yang bekerja kayu atau memotong papan bagaimana yang tersebut di dalam fasal yang keempat puluh sembilan dalam undang-undang ini. Maka mereka yang bangsa Cina hendaklah mereka itu membeli candu dan arak kepadanya, akan tetapi hendaklah menjual kepada mereka itu dengan harga murah daripada belian orang-orang kebun dan lain-lain dalam perintah Kangcu bagaimana yang telah diadatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor pada tiap-tiap seringgit candu dan pada tiap-tiap semangkok arak dan pada tiap-tiap sekati babi.

Fasal yang kelima puluh lima

Kangcu tidak boleh menangkap akan mereka yang tersebut di dalam fasal yang keempat puluh sembilan dalam undang-undang ini apakala mereka itu ada bermain judi sama sendiri dalam tempatnya, bersalahan jikalau mereka itu ada menerima orang luar atau orang-orang kebun.

Fasal yang kelima puluh enam

Kangkar-kangkar di dalam daerah Johor hendaklah menyimpan satu mata-mata orang Melayu. Maka mata-mata itu juga boleh menurut apa-apa perintah Kangcu yang patut akan tetapi hendaklah diminta kepada Commissioner daripada seorang yang baik perangai dan sempurna akalanya. Maka tidak boleh Kangcu menyimpan mata-mata dengan sekehendak hatinya sahaja.

Fasal yang kelima puluh tujuh

Wajib atas Kangcu membayar gaji mata-mata yang tersebut di dalam fasal yang kelima puluh enam dalam undang-undang ini serta belanja dan makannya dalam tiap-tiap bulan dengan cukup iaitu bagaimana adat yang biasa diperbuat oleh Kangcu-kangcu dalam perintah Johor.

Fasal yang kelima puluh lapan

Fardu atas Kangcu minta pakaian mata-mata yang tersebut kepada Commissioner serta minta tukarannya dalam tiap-tiap enam bulan sekali dan membayar belanja kepadanya bagaimana yang telah diadatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor.

Fasal yang kelima puluh sembilan

Wajib atas Kangcu memberi report [laporan] kepada Mayor Johor dalam tiap-tiap empat bulan sekali.

Fasal yang keenam puluh

Jikalau Kangcu hendak bermain wayang orang di dalam Kangkarnya, hendaklah terlebih dahulu mengambil keterangan dari Polis Johor. Adapun keterangan yang tersebut ini boleh dipakai dalam lima belas hari sahaja lamanya dan hendaklah Kangcu membayar belanja bagaimana yang telah diadatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya.

Fasal yang keenam puluh satu

Hendaklah Kangcu yang menaruh Kangkar Besar dan Kangkar Kecil membayar hasil kepada Raja di dalam tiap-tiap bulan pada satu Kangkar Besar dan pada satu Kangkar Kecil bagaimana yang telah diadatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya.

Fasal yang keenam puluh dua

Hendaklah Kangcu menyerahkan segala hasil-hasil yang tersebut di dalam fasal yang keenam puluh satu dalam undang-undang ini kepada Mayor Johor di dalam tiap-tiap empat bulan sekali.

Fasal yang keenam puluh tiga

Wajib atas Kangcu membayar pada tiap-tiap satu keterangan dan nombor pukut pembawa akan gambir lada dan bendera pukut yang tersebut bagaimana yang telah diadatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya iaitu setahun sekali tukar.

Fasal yang keenam puluh empat

Wajib atas Kangcu membayar pada tiap-tiap satu keterangan berjual candu dan pada tiap-tiap satu keterangan berjual arak, demikian jua pada tiap-tiap satu papan lesen berjual candu dan berjual arak dan pajak gadai dan cukai judi dan berjual babi, bagaimana yang telah diadatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya iaitu satu sekali tukar.

Fasal yang keenam puluh lima

Kangcu hendaklah menyuruhkan orang-orang pukut ikan yang di bawah perintahnya itu mengambil keterangan memukat ikan dan nombornya serta membayar belanjanya pada tiap-tiap satu keterangan yang tersebut bagaimana yang telah diadatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya setahun sekali.

Fasal yang keenam puluh enam

Hendaklah Kangcu menyuruhkan pada tiap-tiap taukeh kebun gambir lada supaya ianya memberi serta membenarkan taukeh-taukeh yang memegang pajak itu mengambil keuntungan pada tiap-tiap seringgit barang yang dijualnya dua puluh sen bagaimana harga yang dijual oleh taukeh yang memegang pajak itu bagaimana harga jualan di gudang-gudang atau menurut apa-apa aturan dalam telegraf pada tiap-tiap delapan hari sekali.

Fasal yang keenam puluh tujuh

Dan lagi jikalau sesuatu perselisihan atau perbantahan di antara taukeh kebun gambir lada dengan taukeh yang memegang pajak gambir lada yang tersebut dari sebab tiada berbetulan dacing yang ditimbangkan oleh taukeh yang memegang pajak yang tersebut, maka hendaklah Kangcu memeriksa segala hal itu serta hendaklah disuruh hantarkan pada Kongkek supaya ditimbangkan oleh Kongkek dengan dacing Raja yang benar yang dikurniakan padanya.

Di dalam pada itu apakala telah ditimbangkan oleh Kongkek, maka taukeh yang tersebut itu tiada mahu menerima dari sebab syak hatinya, maka hendaklah dihantarkan gambir lada yang tersebut kepada taukeh yang memegang pajak cukai gambir lada yang di dalam daerah Johor supaya ditimbang dengan dacing Raja yang benar yang dikurniakan padanya.

Maka jikalau sudah selesai dijalankan pekerjaan yang tersebut ini, jikalau salah taukeh yang memegang pajak atau salah timbangan Kongkek dari sebab subahat dengan taukeh yang memegang pajak tersebut dari sebab bersamaan timbangan Kongkek dengan timbangan yang memegang pajak cukai gambir lada, maka salah satu daripada mereka itu berlakulah apa-apa hukuman atau denda yang telah ditetapkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Maharaja Johor atau wakilnya.

Fasal yang keenam puluh lapan

Apakala taukeh-taukeh kebun gambir lada menghantarkan gambir ladanya pada taukeh yang memegang pajak gambir lada, maka taukeh kebun yang tersebut hendak meminta potongan hutangnya kepada taukeh yang memegang pajak yang tersebut dari harga barang-barang yang tersebut, hendaklah Kangcu nyatakan kepada taukeh yang memegang pajak itu supaya ianya menerima apa-apa kehendak taukeh kebun yang tersebut dengan kadar yang patut bagaimana permintaan taukeh kebun itu.

Fasal yang keenam puluh sembilan

Kangcu hendaklah membersihkan segala kangkar-kangkarnya dan jalan-jalan dan rumah-rumah pukut dan rumah besar serta hendaklah menegahkan kepada mereka yang memelihara babi, jangan mereka itu melepaskan babinya merata-rata Kangkar dan hendaklah dipeliharakannya di dalam kandang yang betul dan membetulkan jambatan yang di dalam kangkar-kangkar atau sebagainya.

Fasal yang ketujuh puluh

Kangcu hendaklah mengetahui apa-apa barang yang berfaedah yang keluar daripada tempat perintahnya iaitu seperti bijih dan batu-batu atau emas atau sebagainya, demikian jua daripada tanaman-tanaman apa yang baik dan subur hidupnya yang berguna yang mendatangkan faedah kepada Raja.

Fasal yang ketujuh puluh satu

Hendaklah memeliharakan segala orang-orang Melayu atau orang Cina yang duduk bermencil-mencil kerana menumpang mencari rezekinya iaitu melepaskan daripada segala khianat atau aniaya orang atasnya.

Fasal yang ketujuh puluh dua

Hendaklah Kangcu menangkap jikalau ada banduan yang lari dari Johor atau dari Singapura, apakala dapat hendaklah diserahkan ke Polis Johor dengan segeranya.

Fasal yang ketujuh puluh tiga

Apakala ada orang sesat atau sebagainya dari sebab kebulur tiada makan, hendaklah Kangcu peliharakan mereka itu dengan selamatnya dan jikalau mereka itu tiada upaya

hendak pergi ke tempat pemergiannya atau hendak kembali ke tempatnya, hendaklah dihantarkan atau ditunjukkan tempatnya supaya hasil kehendaknya.

Fasal yang ketujuh puluh empat

Hendaklah Kangcu mengetahui apa-apa belanja yang wajib baginya membayar dan menukar dalam tiap-tiap bulan atau tahun bagaimana yang tersebut akan datang di bawah ini.

Fasal yang ketujuh puluh lima

Dibenarkan Kangcu berjual candu, arak dan babi dan bermain-main judi serta memegang pajak gadai di dalam perintahnya.

Fasal yang ketujuh puluh enam

Dibenarkan Kangcu menerima hasil-hasil pukut pada tiap-tiap sepikul gambir dan lada dua belas sen iaitu gambir lada yang dimuatkan serta dihantarkan oleh pukut-pukat itu kepada taukeh yang memegang pajak gambir lada, demikian juga pada sepikul besar yang dibawanya.

Fasal yang ketujuh puluh tujuh

Dibenarkan Kangcu menerima sewa pukut atau hasil pukut pada tiap-tiap sepikul gambir dan lada enam sen iaitu gambir lada yang tidak dimuatkan di dalam pukatnya iaitu gambir lada yang dibawa dengan berjalan kaki sahaja daripada kebunnya ke tempat taukeh yang memegang pajak gambir lada yang tersebut.

Fasal yang ketujuh puluh lapan

Apabila sudah diterima oleh Kangcu segala hasil-hasil pukut yang tersebut kepada fasal yang ketujuh puluh enam yang ketujuh puluh tujuh dalam undang-undang ini, hendaklah dibahagikan kepada orang-orang pukut yang menjalankan pukut-pukat itu, bagaimana adat yang biasanya diperbuat oleh Kangcu di dalam daerah Johor.

Fasal yang ketujuh puluh sembilan

Barang siapa Kangcu-kangcu yang di bawah perintah Johor melalui atau membantah akan hukuman yang telah ditetapkan dalam undang-undang ini:

Salah yang pertama didenda akan dia tiada lebih daripada

Salah yang kedua didenda akan dia tiada lebih daripada

Fasal yang kelapan puluh

Fasal ini memberi pertanggungjawaban yang besar ke atas diri Kangcu untuk mematuhi undang-undang, menegakkan keadilan serta memelihara keamanan dalam negeri Johor.

Barang yang wajib membayar belanja

Bil.	Keterangan	Bayaran
1	Pada tiap-tiap satu pakaian mata-mata dengan cukup seluar baju dan songkok bagaimana yang tersebut di dalam fasal 58 – enam ringgit	\$6.00
2	Pada tiap-tiap satu keterangan bermain wayang orang bagaimana yang tersebut di dalam fasal 60 bayarannya	\$12.00
3	Pada tiap-tiap satu kangkar yang besar membayar hasil kepada Raja bagaimana yang tersebut di dalam fasal 61	\$3.00
4	Pada tiap-tiap satu Kangkar kecil bayarannya	\$1.50
5	Pada tiap-tiap satu keterangan dan nombor pukut membawa akan gambir lada bagaimana yang tersebut dalam fasal 63	\$2.00
6	Pada tiap-tiap satu bendera pukut	\$3.00
7	Pada tiap-tiap satu keterangan berjual candu bagaimana yang tersebut di dalam fasal 64	\$0.50
8	Pada tiap-tiap satu papan lesen	\$1.00
9	Pada tiap-tiap satu keterangan berjual arak bagaimana yang tersebut di dalam fasal 64	\$0.50
10	Pada tiap-tiap satu papan lesen berjual arak	\$1.00
11	Pada tiap-tiap satu keterangan pajak gadai	\$0.50
12	Pada tiap-tiap satu papan lesen	\$1.00
13	Pada tiap-tiap satu keterangan cukai judi	\$0.50
14	Pada tiap-tiap satu papan lesen	\$1.00
15	Pada tiap-tiap satu keterangan berjual beli babi	\$1.00
16	Pada tiap-tiap satu keterangan memukat ikan dan nombornya bagaimana yang tersebut di dalam fasal 65	\$2.00

Penambahbaikan Undang-undang Kangcu dan kerja-kerja penyusunan semula Sistem Kangcu mempunyai kaitan dengan ketokohan seorang pentadbir yang cekap, berkesan dan berpengaruh di dalam negeri Johor iaitu Ungku Abdul Rahman. Beliau adalah saudara Temenggong Abu Bakar dan biasanya menggunakan bahasa Wakil Mutlak Maharaja Abu Bakar dalam sebarang surat menyurat mengenai Sistem Kangcu. Beliau dikatakan bertanggungjawab meluluskan semua Surat Sungai.³²

II. Undang-undang Memasukkan Nama Ke Dalam Daftar (28 Oktober 1865)

Hukum Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor barang siapa yang hendak berjual tanah atau kebun gambir lada yang di dalam tanah Johor yang telah diberi geran dan hendak menggadaikan atau menjadikan dia cagaran daripada hal hutangnya atau dari kerana sebarang apa-apa perjanjiannya, maka hendaklah kedua pihak mereka itu datang memasukkan nama ke dalam opis di Johor Bahru iaitu menunjukkan surat jual beli atau

³²

Caroline Wong May Leng, *Sistem Kangcu*, hlm. 47.

surat perjanjiannya yang benar supaya dimasukkan nama ke dalam daftar atau dibubuh tapak tangan oleh pegawai yang memegang pekerjaan ini serta boleh ditandanya pada surat-surat yang demikian itu dan gerannya dan hendaklah menggenapkan seperti kehendak dalam geran yang telah diberi.

Adapun surat-surat jual beli atau tukar nama dan gadai atau perjanjian seperti yang tersebut hendaklah dengan surat dan Bahasa Melayu, maka surat-surat yang demikian itu serta telah dimasukkan nama seperti yang tersebut tadi bolehlah dipertetap dan dipelihara dari segala kehendaknya oleh tempat bicara Johor. Adapun segala pendakwaan orang yang tiada memasukkan nama seperti kehendak yang tersebut dalam hukum ini tiadalah dapat diterima oleh sebarang mana tempat bicara Johor.

Bahawa dipertunjuk dan dipertentukan aturan daripada bayaran memasukkan nama dan belanja membuat surat-surat seperti yang akan datang di bawah ini adanya:

BAYARAN MEMASUKKAN NAMA	BAYARAN
Perjanjian yang memberi cagaran tanah atau kebun serta berpajak jikalau wang yang diberi dahulu tiada kurang daripada 1 ringgit dan tiada lebih daripada 100 ringgit	3 ringgit
dan lebih daripada 100 ringgit dan tiada lebih daripada 1,000 ringgit	10 ringgit
Perjanjian yang memberi cagaran tanah atau kebun yang tiada berpajak jikalau piutang tiada kurang daripada 5 ringgit dan tiada lebih daripada 100 ringgit	2 ringgit
dan lebih daripada 100 ringgit dan tiada lebih daripada 1,000 ringgit	4 ringgit
dan lebih daripada 1,00 ringgit dan tiada lebih daripada 20,000 ringgit	8 ringgit
Adapun surat jual beli dan lagi surat tukar nama atau memberikan dengan tiada harga daripada satu geran atau bahagian yang di dalam satu geran	Pada seratus satu ringgit

Belanja Membuat Surat-surat

Surat jual beli tanah dan lagi tukaran dalam geran atau memberikan bahagian yang di dalam satu geran dengan tiada harga pada satu naskhah 2.00 ringgit, surat gadai serta berpajak pada satu naskhah 2.00 ringgit dan naskhah yang keduanya 3.50 ringgit, surat gadai yang tiada berpajak pada satu naskhah dan naskhah yang keduanya 1.50 ringgit.

Adapun segala bayaran memasukkan nama dan belanja membuat surat-surat seperti yang tersebut dalam aturan ini kena di atas orang yang membeli dan yang memegang pajak dan berhutang dan yang menerima pemberian atau yang menerima tukaran nama seperti dalam hukum ini.

Dikeluarkan dari Johor Bahru kepada 16 Zulkaedah 1282.

III. Undang-undang Pengukuh Undang-undang Memasukkan Nama Dalam Daftar (11 Mac 1866)

Bahawa adalah Yang Maha Mulia Maharaja Johor memberitahu kepada segala orang Cina yang ada berkebun gambir lada dalam daerah Johor dan segala orang-orang yang telah melepaskan wang kepada orang-orang berkebun gambir lada dalam daerah Johor, maka hendaklah segera mereka itu ikut apa-apa hukuman yang beta sebutkan di bawah ini adanya:

Fasal Yang Pertama

Adalah kepada 15 Zulkaedah 1282, beta telah mengeluarkan suatu pelekat pada menyatakan beberapa perkara iaitu seperti berjual beli kebun dan bergadaian geran dan lain-lain perjanjian dari kerana kebun serta suruh membuat surat pajak dan disuruhkan kedua pihak mereka itu datang ke Polis Johor supaya dimasukkan namanya di sana supaya menjadikan kesenangan atas kedua pihaknya, maka daripada hari yang tersebut itu sehingga sekarang ini belumlah beta dapat beberapa orang yang menggenapkan hari hal membuat surat pajak, maka dari sebab itu bahawa beta memberi ketentuan atas segala mereka itu, maka hendaklah kedua pihak iaitu orang kebun dan orang yang mengeluarkan wang atas kebun kerana pajak datang membuat surat pajak dan memasukkan namanya ke dalam Polis Johor, maka jikalau salah seorang di antara kedua pihak mereka itu tiada menurut akan yang demikian itu dapat tiada berlakulah hukum atasnya bagaimana yang tersebut pada fasal yang akan datang ini.

Fasal Yang Kedua

Jikalau seseorang kebun yang sudah mengambil wang daripada seseorang kerana berjanji memajak gambir lada kepadanya, tiba-tiba ingkari daripada membuat surat perjanjian dari hal pajak dengan orang yang tempat ia mengambil wang itu, maka jika beta dapat kenyataan sesungguhnya yang demikian nescaya didenda atasnya seratus lima puluh ringgit dan dikuasakan suruh ia membayar kepada orang yang tempat ia mengambil wang itu seratus lima puluh ringgit.

Fasal Yang Ketiga

Jikalau orang yang mengeluarkan wang itu pula ingkar daripada membuat surat yang tersebut tadi dengan orang kebun yang mengambil wangnya itu, maka tiadalah beta terima dan luluskan segala pendakwaannya kerana wangnya itu, maka yang demikian ini ditetapkan di dalam empat bulan sahaja lamanya daripada hari surat ini di dalamnya hendaklah mereka itu menghabiskan memenuhi segala kehendak surat ini, maka jikalau lebih daripada empat bulan jika beta dapati ada yang tiada mahu menurut bagaimana kehendak yang tersebut ini, maka dapat tiada beta benarkan segala orang kebun yang berhutang kepadanya itu menjual gambir lada ke mana-mana ia suka, maka padamlah segala pendakwaan atasnya dari kerana ini, dalam pada itu pun beta terima jua ia membuat surat perjanjian kerana pajak dengan orang kebun kemudian daripada empat bulan yang tersebut, tetapi hendaklah ia membayar kepada beta seratus lima puluh ringgit dan bayar kepada orang kebun seratus lima puluh ringgit itulah adanya.

Dikeluarkan di dalam Polis Johor Bahru 20 Safar 1282.

IV. Undang-undang Mencegahkan Buat Gambir Yang Tiada Baik, 1 Rejab 1284 (28 Jun 1867)

Titah Perintah Dari Ke Bawah Duli yang Maha Mulia Maharaja Johor yang memilikkan tanah Johor serta jajahan daerah takluknya.

Fasal Yang Pertama

Hendaklah segala orang kebun gambir menghilangkan daripada perbuat gambir yang tiada baik dan mengadakan gambir yang baik bagaimana yang ditentukan di sini.

Fasal Yang Kedua

Hendaklah segala Kangcu berpesan dan melarangkan mereka itu daripada mengeluarkan gambir yang tiada baik, demikian juga atas kepala pukat supaya jangan ia menerima gambir yang tiada baik.

Fasal Yang Ketiga

Daripada sehari bulan Syaaban tahun ini, siapa orang kebun mengeluarkan gambir yang tiada baik, maka didenda akan dia pada tiap-tiap sepikul daripadanya 10 ringgit, jikalau tiada terbayar kena penjara menanggung kerja dua bulan dan jikalau Kangcunya tahu tiada menahannya, maka didenda akan dia 20 ringgit, demikianlah dikira-kirakan atas beberapa banyak pikul gambir yang tiada baik dan segala gambir itu jadi rampasan.

Fasal Yang Keempat

Adapun yang dikatakan gambir yang baik iaitu kering dan keras dan bersih sesuatu yang mencacatkannya dan hendaklah ada besar pada sesuatu bukunya sekira-kira 25 buku daripadanya yang kering jadi beratnya sekati, adapun gambir yang berlawanan dengan segala sifat yang tersebut ialah yang dikatakan gambir yang tiada baik.

Fasal Yang Kelima

Sesiapa mencampurkan gambir dengan tanah atau pasir dan garam dan mengeluarkan dia didenda akan dia pada sepikul lima puluh ringgit, demikianlah dikira-kirakan atas beberapa banyak pikulnya jika tiada terbayar dipenjara akan dia lamanya dikira-kirakan tiap-tiap 3 ringgit sebulan adanya.

V. Undang-undang Bagi Kesejahteraan Hak Kerana Gambir Lada, 13 September 1867

Undang-undang ini mengandungi dua puluh empat fasal. Enam belas fasal telah dikuatkuasakan mulai 3 September 1867.³³

³³ Lihat M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 27-29.

Fasal Yang Pertama

Segala Kangcu hendaklah memberi kenyataan daripada banyak kebun yang ada di dalam bahagian sungainya serta nama atau cap dan tuannya, maka hendaklah dinyatakan itu di dalam opis bagi pekerjaan ini di dalam Johor Bahru terlebih dahulu daripada sehari bulan Syawal 1284 jikalau tidak dinyatakannya atau tiada kesempurnaannya didenda akan dia.

Fasal Yang Kedua

Segala pukut gambir daripada tiap-tiap sungai hendaklah mendapat keterangan baginya dan nombor akan dipakai di haluannya terlebih dahulu daripada bulan Zulhijjah 1284, jikalau ia keluar kemudian daripada bulan itu dengan tiada nombor didenda akan dia.

Fasal Yang Ketiga

Pegawai yang tertentu menjabat bagi pekerjaan ini hendaklah ia memberi satu salinan kepada pukut yang membawa gambir lada keluar serta dengan tandatangannya daripada bilangan dan nama atau cap kebun-kebun yang ada di dalam pembahagian sungainya, maka semua ini Kangcunya boleh menyerahkan kepada orang pukut serta dengan tandatangan dan capnya di atas itu.

Fasal Yang Keempat

Orang-orang bagi tiap-tiap pukut gambir lada tiada boleh sekali-kali menerima gambir lada yang memakai cap lain daripada yang telah dimasukkan namanya di dalam opis bagi pekerjaan ini, jikalau diterimanya didenda akan dia.

Fasal Yang Kelima

Sesiapa orang kebun jikalau ia mengirim atau membawa akan gambir ladanya keluar dengan memakai cap lain kebun didenda akan dia dan yang empunya cap itu pun didenda jua akan dia.

Fasal Yang Keenam

Orang bagi tiap-tiap pukut gambir lada hendaklah ia menaruh sesuatu daftar serta hendaklah dituliskannya padanya daripada banyak tertib bilangan dan kadar gambir lada yang dibawanya bagi tiap-tiap kebun itu, maka jikalau tiada gambir ladanya itu pun hendaklah dinyatakan jua di situ serta hendaklah dibubuhnya hari bulan yang dia keluar dari sungai itu dan sampainya ke tempat yang dikehendaknya, maka hendaklah dikerjakannya bagaimana kehendak di dalam fasal ini pada tiap-tiap kali ia keluar dan hendaklah dimulakannya kepada sehari bulan Syawal 1284 jikalau tidak dikerjakannya dengan yang demikian itu didenda akan dia.

Fasal Yang Ketujuh

Segala orang bagi tiap-tiap pukut gambir lada tiada boleh sekali-kali membeli akan sebarang gambir lada melainkan jikalau ia berhajat sekadar makannya.

Fasal Yang Kelapan

Jikalau ada gambir lada keluar gelap dari sesuatu sungai dengan lain daripada pukatnya, sesiapa jaga-jaga Johor boleh tangkap akan orang-orangnya dan gambir ladanya dan sebarang alat membawanya dan serahkan ke Polis di Johor Bahru.

Fasal Yang Kesembilan

Sesiapa memajak gambir lada boleh mengambil keuntungan atas orang-orang kebun seperti di bawah ini:

Tiada boleh lebih pada sepikul beras yang diberinya tiga puluh sen dan pada sepikul gambir yang diterimanya empat puluh sen dan pada sepikul lada yang diterimanya enam puluh sen dan basi pada sepikul gambir lima kati demikian jua lada.

Fasal Yang Kesepuluh

Orang yang memajak hendaklah memakai dacing yang sah dan apa-apa yang ditimbang hendaklah cukup.

Fasal Yang Kesebelas

Hendaklah orang yang memajak menentukan pada orang-orang kebun-kebun daripada harga gambir lada dan beras dan sebagainya pada hari ia menghantar dan menerima akan barang-barang itu serta hendaklah dituliskan di dalam kira-kira dan di dalam contoh orang kebun-kebun.

Fasal Yang Kedua Belas

Hendaklah orang yang pukak menambah akan kuli bagi kebun-kebun yang kurang kuli pada tiap-tiap satu kebun dengan dua orang Singkek pada tiap-tiap tahun sehingga cukup dan lagi hendaklah orang-orang yang memajak menolong pada memotong hutan orang kebun-kebun.

Fasal Yang Ketiga Belas

Orang kebun-kebun yang berpajak tatkala kepicikan belanja bolehlah ia menggadai akan gambir lada kepada Kangcunya, dengan demikian ini pada sepikul gambir seringgit dan pada sepikul lada tiga ringgit, maka pada mana-mana pukak keluar bolehlah dikirimkan oleh Kangcu akan gadaian itu serta dengan keterangan padanya maka hendaklah taukehnya tebus.

Fasal Yang Keempat Belas

Kuli bagi kebun gambir lada yang berhutang pada tuan kebun itu lari membawa hutangnya kepada sebarang kebun, hendaklah tuan kebun itu mengadu kepada Kangcu, maka hendaklah Kangcunya tangkapkan dan jikalau ada pada sungai yang lain bolehlah ia memberi keterangan-keterangan pada Kangcu dan Kangcu itu pun hendaklah menangkap akan dia diserahkan ke Polis di Johor Bahru dan memberi keterangan atasnya, maka Polis boleh penjara akan dia tiga bulan kemudian daripada itu diserahkan kembali kepada kebun yang ia lari daripadanya, maka jikalau Kangcu tiada bersegera-segera pada mengerjakan bagaimana kehendak di fasal ini didenda akan dia.

Fasal Yang Kelima Belas

Kangcu hendaklah menangkap orang-orang jahat iaitu orang-orang yang telah jual kebun daripada tangannya yang dibeli oleh orang lain, kemudian datanglah ia pada kebun itu membinasakan tanam-tanaman dan bangsalnya atau kawah atau dapurnya itu menakutkan akan orang-orang yang baru menjaga kebun itu, maka jikalau dapat mereka itu

ditangkap hendaklah Kangcu serahkan ke Polis di Johor Bahru dengan segeranya, jikalau tidak dikerjakannya yang demikian itu didenda akan dia dan lagi orang yang baru menjaga kebun itu hendaklah ia memelihara akan kebun itu dengan kesempurnaannya, jikalau ia membiarkan kebun itu dengan semak didenda akan dia.

Fasal Yang Keenam Belas

Tiada boleh sebarang-barang mayat orang Cina di dalam sesuatu sungai ditanam pada lain daripada tempat yang telah ditentukan, jikalau dikerjakannya didenda akan dia, maka hendaklah Kangcunya menegahkan yang demikian itu dan jikalau tiada waris bagi mayat itu atau dengan tiada upaya pada menanamnya ke tempat perkuburan yang ditentukan, hendaklah Kangcu tanamkan jikalau tidak didenda akan dia.

Kemajuan dan perkembangan ekonomi Johor yang dikaitkan dengan perladangan gambir dan lada hitam tidak dapat bertahan lama. Kegemilangannya mulai merosot pada awal abad ke-20. Pada tahun 1910, Johor hanya mengeluarkan sebanyak 220,000 pikul gambir dan 70,000 pikul lada. Kemerosotan ini memang ketara berbanding dengan zaman kemuncaknya pada tahun 1890; apabila Johor berjaya mengeksport gambir sebanyak 362,508 pikul (21,577 tan) dan lada hitam sebanyak 155,167 pikul (9,236 tan).³⁴ Statistik berikut menunjukkan jumlah eksport gambir dan lada hitam Johor 1880-1909.

TAHUN	GAMBR (PIKUL)	LADA HITAM (PIKUL)
1880	316,063	56,203
1889	400,544	117,024
1890	362,507	155,167
1895	592,600	-
1896	626,000	128,000
1904	-	114,000
1909	508,322	-

Kekurangan kuli kebun (singkek) dan kejatuhan harga hasil keluaran ladang yang teruk adalah antara faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pengeluaran gambir dan lada hitam. Kemunculan sistem perladangan getah secara besar-besaran juga menimbulkan ancaman kepada perladangan Sistem Kangcu. Berikutan daripada itu, pihak kerajaan Johor telah menimbangkan untuk mengurangkan kadar cukai sebanyak 5 peratus. Kemerosotan pengeluaran gambir dan lada hitam memberi kesan yang besar kepada kongsi Ngee Heng. Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Johor mula menubuhkan Bahagian Hal Ehwal Orang Cina pada tahun 1904. Akhirnya pada tanggal 22 Julai 1914, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bersetuju untuk memansuhkan kongsi Ngee Heng dan mulai saat itu, segala hal ehwal kebajikan orang Cina diuruskan oleh bahagian yang ditubuhkan itu. Bidang kuasa Kangcu telah mulai pupus apabila kerajaan Johor menguatkuasakan Undang-Undang (Memansuhkan) Kuasa-kuasa Kangcu atau The Kangchu Rights (Abolition) Enactment pada 31 Disember 1917. Perkara 3 dalam

³⁴ Lihat M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 34.

Enakmen tersebut menyatakan bahawa “segala kuasa-kuasa Kangcu seluruh negeri ini hendaklah diberhentikan dan putus pada 31 hari bulan Disember 1917 dan ganti kerugian kerana itu hendaklah dibayar dari wang hasil kerajaan ...”.³⁵ Akibat penamatan Sistem Kangcu, jaminan ganti rugi sebanyak lima kali ganda untung bersih dari tahun 1915-1917 akan diberikan kepada Kangcu.³⁶

KESIMPULAN

Kemajuan dan pembangunan ekonomi di Johor mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan sistem pentadbiran kerajaan khususnya berkaitan dengan pentadbiran tanah. Kerajaan Johor yang diketuai sendiri oleh Maharaja Abu Bakar telah mengasaskan suatu sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan. Penggubalan dan pelaksanaan undang-undang berkaitan Kanun Surat Sungai menyebabkan sistem ini dapat dijalankan teratur dan sistematik. Faktor ini telah menyebabkan ramai saudagar yang berpangkalan di Singapura, khususnya pemodal berbangsa Cina berminat untuk melaburkan modal dalam perladangan komersial berasaskan Sistem Kangcu. Dengan memiliki kawasan tanah yang luas dan subur, pemerintah Johor mengeksplotasi aktiviti pertanian yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi Johor. Kemajuan Sistem Kangcu memberi implikasi yang nyata dengan pertambahan secara drastik penduduk berbangsa Cina di negeri Johor. Namun begitu, kegemilangan Sistem Kangcu telah berakhir apabila hasil pengeluaran gambir dan lada hitam semakin merosot. Ini ditambahkan lagi dengan kemunculan perladangan getah sebagai sektor ekonomi baru yang lebih menguntungkan.

Perkembangan pesat ekonomi Johor berasaskan Sistem Kangcu turut membangunkan bidang-bidang yang lain seperti pembangunan bandar, pentadbiran, pengangkutan, keselamatan dan sebagainya. Pembangunan bandar turut berlaku seperti mana pembangunan pesat Iskandar Puteri (Tanjung Puteri), Pontian, Batu Pahat dan Muar. Ia bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran, tetapi juga pusat perniagaan yang lama kelamaan menjadi pusat tumpuan penduduk. Selain itu perkembangan sistem pentadbiran telah menyebabkan pihak kerajaan melantik lebih ramai penduduk untuk menjawat jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan dan pasukan keselamatan. Sistem pengangkutan sungai, jalanraya dan jalan keretapi juga turut berkembang.

Suatu rumusan yang terbaik ialah pengasasan undang-undang tahun 1844 berkaitan penggunaan tanah, pengeluaran hasil dan aspek keselamatan boleh diaplikasikan kepada usaha-usaha pihak kerajaan pada masa kini untuk menggalak dan memperkasakan kegiatan pertanian secara komersial di negara ini yang melibatkan Tanah Simpanan Melayu. Dengan kaedah, prosedur serta peraturan yang dikanunkan, adalah diharapkan pembangunan Tanah Simpanan Melayu tidak akan menghilangkan hak pemiliknya yang asal. Justeru itu, tanah dapat dibangunkan, ekonomi negara dapat dikembangkan dan kestabilan sosio-politik dan sosio-ekonomi dapat dipertahankan untuk jangka panjang.

³⁵ M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu*, hlm. 37.

³⁶ Abdullah Zakaria Ghazali, “Pelaksanaan Peraturan”, hlm. 237.

RUJUKAN:**Sumber Primer:**

Surat-Surat Sungai yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Johor Bahru.

BIL	PERKARA	NO. KOD	JUM. M/S
1	Surat Keterangan Kepada Chua Ah Koi Mengeluarkan Chua Joo Ho daripada kongsi Sungai Ponggai, 7 Jamadil awal 1279 (1862) 10 Safar 1280	S.19	7
2	Register Surat-surat Perjanjian Hutang Keadaan Sungai, T.H. 1316-1324	J/SUK 13	80
3	Surat-surat Serahan Bahagian Sungai 1314-1330	J/SUK 13	102
4	Register of Application for Licences for Construction of Building, 1951-1953	J/SUK 13	437
5	Surat Jual Beli Bahagian Sungai Johor, 1896-1916	J/SUK 13	80
6	Register Surat-surat Pajak Bahagian Sungai T.H. 1313-1333 (T.M. 1896-1914)	J/SUK 13	36
7	Surat-Surat Wakil Bahagian Sungai, 1314-1328	J/SUK 13	20
8	Surat-surat Kongsi Bahagian Sungai	J/SUK 13	10
9	Surat-surat Jual Beli, Surat-surat Kongsi, Surat-surat Pajak dan Surat-surat Perjanjian Hutang T.H.1284-1301	J/SUK 13	193
10	Surat Keterangan Membuka Kebun Johor 1260-1320	J/SUK 13	157
11	Daftar Surat-surat Gadai dan Hutang 1314-1329	J/SUK 13	100

Abdul Malek Munip. 1984. *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920: Peribumi dan Pemodenan*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Abdullah Zakaria Ghazali. 1999. "Perlaksanaan Peraturan dan Undang-Undang Dalam Kerajaan Johor", dalam Zainal Abidin Borhan et.al. (eds.) *Warisan Persuratan Johor II, Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*, Penerbit Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru.

Ahmad Fawzi Basri. 1988. *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.

Allen, J. de V. 1972. "Johore 1901-1914", dalam *JMBRAS*, Vol. XLV Part II.

- Coope, A.E. 1936. "Kangchu System in Johore", *JMBRAS*, Part III Vol. XIV.
- Jackson, James C. 1968. *Planters and Speculation: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Kassim Thukiman. 1992. "Penglibatan Orang-orang Jepun Dalam Sektor Ekonomi di Negeri Johor pada awal abad ke-20", dalam *Jurnal Jebat*, Bil. 20.
- Kassim Thukiman. 1998. "Sejarah Ekonomi Johor", dalam *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II.
- Khazin Mohd. Tamrin dan Sukiman Bohari. 1980/81. "Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan Kegiatannya Dalam Aspek Sosio-Ekonomi dan Politik Tempatan", dalam *Jurnal Jebat*, Bil. 10.
- Khoo Kay Kim. 1967/68. "Johor in the 19th Century: A Brief Survey", dalam *Journal of Historical Society, University of Malaya*, Kuala Lumpur, Vol. VI.
- M.A. Fawzi Basri. 1984. *Sistem Kangcu Dalam Sejarah Johor, 1844-1917*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Malek Munip. 1978. "Pentadbiran Bumiputra Ke atas Kegiatan Ekonomi Orang-Orang Cina di Johor", dalam *Malaysia in History*, Vol. 21, No.1, Jun.
- Malek Munip. 1977. "The Pioneers of Modern Johore", dalam *Malaysia in History*, Vol. 20, No.1, Jun.
- Mohd. Sohaimi Esa. 1999. *Ekonomi Orang Arab di Johor, 1862-1942*, Penerbit UMS, Kota Kinabalu.
- Rahimah Abdul Aziz. 1997. *Pembaratan Pemerintah Johor 1800-1945: Satu Analisis Sosiologi Sejarah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Saadiah Said. 1977/79. "Kegiatan Keluarga Al-Sagoff Dalam Ekonomi Negeri Johor 1878-1906", dalam *Jurnal Jebat*, Bil. 7/8.
- Shaharom Husain. 1995. *Sejarah Johor, Kaitannya Dengan Negeri Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam.
- Sinclair, Keith. 1967. "The British Advance in Johore, 1885-1914", dalam *JMBRAS*, Vol. XL Part I, July.
- Thio, Eunice. 1967. "British Policy Towards Johore: From Advice to Control", dalam *JMBRAS*, Vol. XL Part I, July.

Thio, Eunice. 1969. *British Policy in the Malay Peninsula, 1880-1910*, Singapore University Press, Singapore.

Trocki, Carl A. 1975. "The Johor Archives and the Kangchu System 1844-1910", dalam *JMBRAS*, Vol. XLVIII Part 1.

Trocki, Carl A. 1976. "The Origin of the Kangchu System 1740-1860", dalam *JMBRAS*, Vol. XLIX Part 2.

Trocki, Carl A. 1979. *Prince of Pirates: The Temenggongs and Development of Johore and Singapore, 1884-1885*, Singapore University Press, Singapore.

Turnbull, C.M. 1957. "The Johore Gambier and Pepper Trade in the Mid 19th Century", *JSSS*, Vol. XV No. 1.

Winstedt, R.O. 1979. *A History of Johore*, MBRAS Reprint No. 6, Kuala Lumpur.

Wong Lin Ken. 2003. *The Trade of Singapore, 1819-1869*, MBRAS Reprint No. 23, Kuala Lumpur.

Wong May Leng, Caroline. 1992. *Sistem Kangcu di Johor, 1844-1917*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.